

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), setakat ini, merujuk kepada rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), seramai dua (2) orang warganegara Malaysia telah ditahan oleh pihak berkuasa luar negara kerana terlibat menyertai kumpulan militan “*Islamic State*” (IS) ketika mereka dalam perjalanan menyertai IS di Syria.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (b) pula, setakat ini pihak berkuasa Malaysia sedang menunggu hasil siasatan oleh negara berkenaan dan sekiranya mereka dihantar balik ke Malaysia, tindakan tegas akan diambil terhadap mereka berdasarkan undang-undang sedia ada termasuklah tindakan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (SOSMA) 2012.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Hasil daripada siasatan oleh pihak berkuasa, individu yang menyertai kumpulan militan ini adalah disebabkan mereka berpandangan bahawa inilah cara yang paling mudah untuk berjihad dan mati syahid.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN]**

**TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)**

**SOALAN : 61**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan pampasan yang perlu dibayar kepada syarikat konsesi AES setelah AES dimansuhkan.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, pelaksanaan *Automated Enforcement System* (AES) masih diteruskan di 14 lokasi sedia ada di Perak, Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya yang melibatkan 10 kamera tetap dan 4 kamera *mobile*. Proses mengambilalih pemilikan dan operasi AES daripada kedua-dua syarikat penyedia perkhidmatan sedang berlangsung dan sedang dalam penelitian terperinci oleh pihak yang berkepentingan. Memandangkan perkara tersebut masih belum dimuktamadkan, maka amaun pengambilalihan tidak dapat dinyatakan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Ingin saya tekankan di sini bahawa Kerajaan komited untuk meneruskan pelaksanaan AES bagi memperkasakan elemen penguatkuasaan lalu lintas dalam usaha menangani isu kemalangan jalan raya sepertimana yang dihasratkan oleh rakyat secara amnya.